



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (54) 02/06

**KEBAJIKAN BALU VETERAN ATM DIPELIHARA MELALUI
PROGRAM INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM**

PONTIAN, 23 Jun 2023 - Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari dengan diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), YBrs En Sophian Isswandy bin Ismail telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Inisiatif Perumahan Veteran ATM peringkat Negeri Johor hari ini di TI JPR 17, Jalan Jaya, Ayer Baloi, 82100 Ayer Baloi, Johor.

Pada majlis tersebut, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah menyempurnakan penyerahan kunci rumah baharu kepada balu Veteran ATM, Puan Rohana binti Mohd Edrus iaitu balu kepada Allahyarham Lans Koperal Abdullah Pami bin Bachok (Bersara) yang telah meninggal dunia pada 6 Februari 2022. Allahyarham merupakan veteran ATM tidak berpencen dan balu Allahyarham merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berjumlah RM 300.00 sebulan dan Bantuan Persekolahan berjumlah RM 700.00 setahun. Puan Rohana yang berusia 46 tahun tidak mempunyai pendapatan tetap kerana tidak bekerja dan kini menumpang berteduh di rumah ibu mentuanya bersama empat (4) orang anaknya yang masih belajar.

Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM merupakan salah satu strategi inisiatif Peningkatan Kualiti Hidup di bawah Pelan Strategik Mindef dalam Teras 7. Inisiatif ini diterjemahkan melalui Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang merupakan kerjasama erat antara JHEV ATM dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi membantu golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM 3,000 yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang tetapi mempunyai tanah untuk membina rumah sendiri yang sempurna dan selesa. Veteran ATM boleh membuat permohonan RMR di mana rumah akan dibina atas tanah sendiri dengan kos yang lebih rendah berbanding projek perumahan lain.

Melalui kuota program ini, Veteran ATM akan menerima dua peringkat bantuan iaitu subsidi dibawah Skim RMR yang dikawal selia oleh SPNB berjumlah RM20,000.00 dan bantuan perumahan JHEV ATM berjumlah RM65,000.00 di Semenanjung Malaysia dan RM75,000.00 di Sabah dan Sarawak. Manakala kos siling baik pulih rumah pula adalah sebanyak RM17,000.00 seunit. Sehingga 31 Mei 2023, sebanyak **37 permohonan bina baharu** dan **153 permohonan baik pulih** telah diluluskan melibatkan peruntukan berjumlah **RM 5.7 juta**.

Kriteria pemilihan Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM terbuka kepada Veteran ATM atau balu yang mana pendapatan isi rumah di bawah jadual Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan. Bagi permohonan baik pulih, rumah yang didiami hendaklah rumah pemohon sendiri atau pusaka dan bukan rumah yang disewa. Skop bantuan hanya melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, dinding, lantai, tingkap yang tidak melibatkan struktur asal rumah. Seterusnya bagi permohonan bina baharu, pemohon mestilah belum memiliki rumah atau mendiami rumah yang terlalu uzur, tidak selamat diduduki, dan tidak ekonomi untuk dibaiki serta memiliki tanah sendiri.

Kementerian Pertahanan akan terus berusaha untuk mencari inisiatif baru dan membuat penambahbaikan ke atas skim-skim bantuan sedia ada dalam usaha memperkasakan dan meningkatkan kualiti hidup Veteran ATM. Hadir sama dalam program ini ialah Pengarah Bahagian JHEV Cawangan Negeri Johor, Mejar Zulkifly bin Bahtiar, Pengarah SPNB Negeri Johor, Encik Khairul Azhar Abdullah dan persatuan-persatuan veteran sekitar negeri Johor.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
23 Jun 2023